



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Kanun Keseksaan (Pindaan) 1982
DR.5/1982

Naskhah sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan (N.M.B. Bab 45).

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 1982.

Tajuk ringkas.

2. Kanun Keseksaan adalah dipinda mengikut cara dan setakat yang dinyatakan dalam Jadual.

Pindaan bagi N.M.B. Bab 45.

JADUAL

Seksyen	Pindaan
194 ...	Gantikan perkataan-perkataan "menurut Kanun ini" dengan perkataan-perkataan "menurut undang-undang yang sedang berkuatkuasa di Malaysia".
231 ...	Potong seksyen ini.
238 ...	Gantikan perkataan-perkataan "lancungan duit yang laku" dalam nota birai dengan perkataan "lancungan".
243 ...	1. Potong perkataan-perkataan "ia-itu lancungan duit yang laku,". 2. Potong perkataan-perkataan "yang laku" dalam nota birai.

Seksyen

Pindaan

232, 234, 240, Potong perkataan-perkataan "yang laku" dalam
247, 249, 251 nota birai.
dan 253

HURAIAN

Seksyen 194 menurut susunan kata yang ada sekarang bererti bahawa seseorang hanya boleh dipertuduh di bawah seksyen tersebut jika dia memberi keterangan palsu dengan maksud menyebabkan seseorang disabitkan kesalahan yang boleh diseksa dengan bunuh di bawah Kanun Keseksaan.

2. Seksyen 194 didapati terbatas dan tidak menepati hal keadaan yang berubah di negeri ini. Pada masa Kanun Keseksaan diperbuat undang-undang, tidak ada statut lain yang ada menetapkan hukum bunuh di bawahnya; tetapi sekarang ini, selain daripada Kanun Keseksaan terdapat peruntukan-peruntukan bagi hukuman mati dalam beberapa statut lain. Statut-statut itu ialah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (Disemak 1972), Akta Culik 1961, Akta Dadah Berbahaya 1952 (Disemak 1980) dan Akta Senjatapi (Penalti Bertambah Berat) 1971. Dengan itu seksyen 194 hendaklah dipinda untuk menepati hal keadaan yang berubah itu.

3. Oleh yang demikian Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda seksyen 194 mengikut cara yang dinyatakan dalam Jadual agar seksyen itu boleh dipakai bagi semua kesalahan yang membawa hukuman mati di bawah undang-undang yang sedang berkuatkuasa di Malaysia.

4. Akta A327/76, antara lain, membuat pindaan-pindaan yang luas kepada Bab XII Kanun Keseksaan yang menyentuh kesalahan-kesalahan berhubung dengan duit dan setem Kerajaan. Dalam Bab XII yang asal, seksyen-seksyen yang menyentuh kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan "duit" memperuntukkan hukuman yang lebih ringan, manakala seksyen-seksyen yang menyentuh kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan "duit yang laku" memperuntukkan hukuman yang lebih berat. Akta A327/76 menghapuskan perbezaan di antara "duit" dan "duit yang laku" dengan memotong seksyen-seksyen yang menyentuh kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan "duit" dan meminda seksyen-seksyen yang menyentuh kesalahan-kesalahan berhubung dengan "duit yang laku" supaya seksyen itu boleh dipakai bagi kesalahan-kesalahan berhubung dengan semua duit. Memandangkan hal ini, seksyen 231, iaitu salah satu daripada seksyen-seksyen yang menyentuh kesalahan-kesalahan berhubung dengan duit, hendaklah dipotong oleh kerana seksyen 232 menyentuh kesalahan yang sama. Perlulah juga membuat pindaan-pindaan yang berbangkit kepada seksyen-seksyen 232, 234, 238, 240, 243, 247, 249, 251 dan 253 dengan memotong perkataan-perkataan "yang laku" di mana sahaja ia terdapat dalam seksyen-seksyen ini dan juga dalam nota-nota birai kepadanya.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [P.N. (U²) 1106.]